



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil.40/2018

ISU ETIKA BERPAKAIAN KETIKA MENGUNDI

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) menjelaskan mengenai mesej tular oleh pihak tertentu berkaitan etika berpakaian ketika mengundi pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) akan datang adalah tidak benar dan tidak pernah menetapkan etika berpakaian seperti kehadiran ke pejabat.
2. SPR tidak pernah dan tidak akan menghalang seseorang pengundi dari memasuki tempat mengundi asalkan ianya berpakaian bersesuaian apabila memasuki tempat mengundi, tetapi baju mereka, pakaian dan barangan lain yang mereka gunakan seperti payung dan sebagainya tidak dibenarkan mempunyai sebarang simbol parti politik. Seksyen 26(1)(g) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 menetapkan bahawa seseorang pengundi adalah dilarang sama sekali memasuki tempat mengundi sekiranya mereka memakai apa-apa pakaian dan peralatan yang memaparkan nama calon, simbol atau lambang parti politik pada hari mengundi.
3. SPR menasihati orang ramai agar berhati-hati dan menapis penerimaan maklumat yang tidak sahih berkaitan pilihan raya yang tersebar melalui media sosial. Orang ramai diminta merujuk terus kepada SPR bagi mendapatkan maklumat sahih dan tepat dengan menghubungi talian **03-88927018**.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

PUTRAJAYA

Tarikh : 30 April 2018 / 14 Syaaban 1439H